

Kuim perkenal dua program baru

Oleh NORAINON OTHMAN
norainon@hmetro.com.my

KOLEJ Universiti Islam Malaysia (Kuim) memperkenalkan dua program baru di bawah Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, iaitu program Ijazah Sarjana Muda Kaunseling dengan kepujian dan program Ijazah Sarjana Muda Komunikasi dengan kepujian.

Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusannya, Prof Dr Mohamed Asin Dollah, berkata Kuim menawarkan 40 tempat bagi pelajar suling yang mengikuti kedua-dua program berkenaan yang akan memulakan sesi pertama, Jun ini.

Menurutnya, keutamaan calon bagi kedua-dua program itu ialah

mereka yang mendapat kepujian dalam subjek Matematik, Bahasa Inggeris dan Sains bagi pelajar yang mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan pelajar sekolah agama yang mengambil Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM).

"Keistimewaan program Ijazah Sarjana Muda Kaunseling dengan kepujian ini dapat melahirkan kaunselor bertauliah yang akan bekerja di sektor swasta dan industri serta pegawai kaunselor yang berkhidmat di pejabat agama negeri sebagai kaunselor bertauliah selepas menduduki peperiksaan yang dikendalikan Lembaga Kaunselor Malaysia," katanya.


Dr Mohamed Asin adalah lulusan Sarjana Muda Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana di University of Glasgow, England.

Beliau yang mengambil bidang perbandingan Agama dan Psikologi Agama ini mendalami ilmunya hingga ke peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD) di Birmingham, England.

Sementara itu, katanya, idea mewujudkan program Ijazah Sarjana Muda Komunikasi timbul apabila melihat kebanyakan berita dari luar negara, terutama Barat, bersifat berat sebelah.

Misalnya, keadaan itu berlaku ketika perang Iraq dengan Tentera Bersekutu yang diketuai Amerika Syarikat kerana orang ramai mendapat banyak berita membesar-besarkan kekuatan Tentera Bersekutu sedangkan kisah penderitaan rakyat Iraq yang menjadi mangsa peperangan kurang dipaparkan.

"Program komunikasi ditawarkan bagi melahirkan graduan komunikasi yang memiliki pengetahuan, kemahiran dan menghayati etika komunikasi pada masa sama, mempunyai asas pengajian Islam yang kukuh bagi memenuhi



Dr MOHAMED ASIN... memenuhi tuntutan semasa.



PROFIL

NAMA: Prof Dr Mohamed Asin Dollah
UMUR: 52 tahun.
JAWATAN: Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan Kuim.
PENDIDIKAN: Sarjana Muda Pengajian Islam, Universiti

Kebangsaan Malaysia (UKM), Ijazah Sarjana di University of Glasgow, England dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) di Birmingham, England.
BIDANG: Perbandingan Agama dan Psikologi Agama.

tuntutan semasa.

"Lepasan pengajian ini akan melahirkan pemberita yang tidak terlalu bergantung kepada berita yang disalurkan di peringkat antarabangsa.

"Sebaliknya, bila pemberita mampu menguasai Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab, mereka boleh mengambil sumber berita dari negara Islam sendiri seperti Iran dan Arab Saudi untuk mengetahui kebenaran daripada sesuatu peristiwa yang menjadi tumpuan masyarakat dunia," katanya.

Menurutnya, program itu mempunyai kelebihan berbanding institusi pengajian tinggi lain kerana wartawan lepasan Kuim memiliki latar belakang pengajian Islam yang baik.

Katanya, program itu juga dapat mewujudkan kesedaran mengenai pentingnya berdakwah secara profesional serta penerbitan seimbang antara pengetahuan komunikasi dan pengetahuan Islam.

"Selain menjadi wartawan atau wartawan penyiaran, program ini

dapat melahirkan bakal penulis skrip dan pengarah yang dapat menjaga nilai agama ketika menghasilkan skrip dan filem.

"Sebagai pelakon, mereka yang mempunyai latar belakang pengajian ini juga masih mampu menghasilkan lakonan berkesan tanpa perlu menunjukkan aksi lakon berlebihan, sesuai dengan batasan hubungan antara lelaki dan perempuan bukan muhrim," katanya.

Mohamed Asin berkata, kedua-dua program yang baru diperkenalkan itu berjaya mencapai matlamat jika lepasan siswazah dapat menghayati apa dipelajari, kerana selain bekerja sebagai satu ibadah, mereka juga akan muncul sebagai pendakwah yang baik.

Selain program yang ditawarkan, program sedia ada ialah Ijazah Sarjana Muda Dakwah dan Pengurusan Islam dengan Kejujian.

Program itu ditawarkan bagi melahirkan siswazah yang mendalami bidang falsafah dakwah dan pengurusan sesuai dengan perkembangan tuntutan dakwah semasa.